



**ASB**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022



## ISI KANDUNGAN

<b>1. MAKLUMAT TABUNG</b>	<b>1</b>
<b>2. PRESTASI TABUNG</b>	<b>3</b>
<b>3. LAPORAN PENGURUS</b>	<b>8</b>
<b>4. PENYATA PENGURUS</b>	<b>15</b>
<b>5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH</b>	<b>16</b>
<b>6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB</b>	<b>17</b>
<b>7. PENYATA KEWANGAN</b>	<b>19</b>
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	19
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	20
7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	21
7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 31 Disember 2022	22
<b>8. ALAMAT CAWANGAN ASNB</b>	<b>33</b>



**LAPORAN PENGURUS  
AMANAH SAHAM BUMIPUTERA,  
(ASB)**



Pemegang-pemegang unit ASB yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASB dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

## 1. MAKLUMAT TABUNG

### 1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Bumiputera, (ASB)	Aset Campuran	Pendapatan

### 1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASB ialah menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang-pemegang unit di samping memastikan pengekalan modal pada tahap toleransi risiko yang minimum.

**Nota:** ASB bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garis Panduan Unit Amanah.

### 1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASB menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan (Maybank 12 bulan) bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my)

#### 1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASB akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

#### 1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 31 Disember 2022, seramai 10,639,551 individu telah menyertai ASB. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	8,073,296	75.88	4,884,710,275.47	2.62
5,001 hingga 10,000	488,800	4.59	3,422,777,414.15	1.84
10,001 hingga 50,000	1,035,482	9.73	24,280,609,304.55	13.04
50,001 hingga 500,000	1,012,703	9.52	129,479,236,378.07	69.52
500,001 dan ke atas	29,270	0.28	24,178,029,563.39	12.98
<b>JUMLAH</b>	<b>10,639,551</b>	<b>100.00</b>	<b>186,245,362,935.63</b>	<b>100.00</b>

## 2. PRESTASI TABUNG

### 2.1 PERUMPUKAN ASET

A. Perumpukan Aset Bagi ASB Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember (%)		
	2022	2021	2020
<b>Pelaburan di Pasaran Ekuiti:</b>			
Perkhidmatan Komunikasi	6.94	8.93	8.59
Barangan Bukan Asasi Pengguna	2.44	2.68	2.37
Barangan Asasi Pengguna	11.78	10.77	13.78
Tenaga	1.42	2.12	2.72
Kewangan	29.28	28.29	27.15
Penjagaan Kesihatan	0.97	1.16	2.37
Perindustrian	7.80	8.34	9.35
Teknologi Maklumat	3.03	3.06	0.88
Bahan Asas	1.87	2.54	3.06
Hartanah	8.76	7.58	5.99
Utiliti	4.97	5.14	5.72
<b>Jumlah</b>	<b>79.26</b>	<b>80.61</b>	<b>81.98</b>
<b>Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:</b>			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah dan Dana Didagangkan Bursa (ETF)	1.53	1.26	0.10
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	8.09	7.15	7.74
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	11.12	10.89	10.18
<b>Jumlah</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>	<b>100.00</b>

B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1.	Malayan Banking Berhad	21.32
2.	Sime Darby Plantation Berhad	9.24
3.	Sime Darby Berhad	3.83
4.	Government Of Malaysia	3.80
5.	Tenaga Nasional Berhad	3.50
6.	Axiata Group Berhad	2.11
7.	PNB Capital LLC USD	2.04
8.	PNB Real Estate 1 LLC USD	1.82
9.	CIMB Group Holdings Berhad	1.76
10.	Maxis Berhad	1.51
11.	Digi.Com Berhad	1.50
12.	Petronas Chemicals Group Berhad	1.39
13.	Telekom Malaysia Berhad	1.24
14.	PNB Real Estate 1 LLC EUR	1.16
15.	UMW Holdings Berhad	1.09
16.	PNB Capital Global 2 LLC USD	1.03
17.	MISC Berhad	0.96
18.	Sime Darby Property Berhad	0.86
19.	Petronas Gas Berhad	0.78
20.	Public Bank Berhad	0.72

**Nota :** Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

## 2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember		
	2022	2021	2020
Unit Dalam Edaran (Juta)	186,365	181,909	173,829
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	3.35	4.25	3.50
Bonus (sen) <sup>1</sup>	1.25	0.75	0.75
Bonus Tambahan (sen) <sup>2</sup>	0.50	-	0.75
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	6,179.03	7,510.24	5,902.81
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Januari 2023	1 Januari 2022	1 Januari 2021
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) <sup>3</sup>	0.22	0.43	0.42
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) <sup>4</sup>	0.12	0.24	0.22

### Nota:

1. Bonus dibayar berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB).
2. Bonus Tambahan dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2020 dan 2022, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.
3. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASB yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah ketara disebabkan oleh ASB mendapat pengecualian separa yuran pengurusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.
4. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASB untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPGP bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 berbanding dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 adalah ketara disebabkan oleh penurunan aktiviti jual beli akibat persekitaran saham yang mencabar.

## 2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, ASB telah memperuntukkan sejumlah RM6,179,030,779 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 3.35 sen seunit. Pada masa yang sama, PNB telah mengagihkan bonus sebanyak 1.25 sen seunit bersamaan RM2,296,267,534 dan bonus tambahan sebanyak 0.50 sen seunit bagi 30,000 unit pertama bersamaan RM311,329,767 kepada para pelabur bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022. Pembayaran bonus, sekiranya ada, adalah tertakluk kepada budi bicara PNB.

## 2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASB adalah seperti berikut:

	31 Disember 2022		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) <sup>1</sup>	3.35	3.70	4.52
Bonus (sen) <sup>2</sup>	1.25	0.92	0.75
Bonus Tambahan (sen) <sup>3</sup>	0.50	0.42	0.25
Penanda Aras (%) <sup>4</sup>	2.27	2.10	2.59

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

### Nota:

- Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-
  - Pulangan 1 tahun =  $i_t$   
Di mana,  $i$  = pengagihan pendapatan ;  $t$  = tahun semasa
  - Pulangan 3 tahun =  $\left[ \frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3} \right]$
  - Pulangan 5 tahun =  $\left[ \frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5} \right]$
- Bonus dibayar adalah berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak PNB.
- Bonus Tambahan dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2020 dan 2022, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.
- Pengiraan penanda aras ialah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 Mei 2018, penanda aras Tabung ialah Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 Mei 2018, penanda aras ialah Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3- bulan.

## 2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASB berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember				
	2022	2021	2020	2019	2018
Jumlah Pulangan Tahunan (%) <sup>1</sup>	3.35	4.25	3.50	5.00	6.50
Bonus (sen) <sup>2</sup>	1.25	0.75	0.75	0.50	0.50
Bonus Tambahan (sen) <sup>3</sup>	0.50	-	0.75	-	-
Penanda Aras (%) <sup>4</sup>	2.27	1.85	2.18	3.18	3.46

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

### Nota:

- Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
- Bonus dibayar adalah berdasarkan purata Baki Minimum Bulanan (BMB) selama 12 bulan sepanjang tahun kewangan ASB. Pemberian bonus tahunan adalah berdasarkan budi bicara pihak PNB.
- Bonus Tambahan dibayar adalah berdasarkan BMB sepanjang tempoh 12 bulan bagi tahun 2020 dan 2022, tertakluk kepada had purata BMB sehingga 30,000 unit sahaja.
- Pengiraan penanda aras ialah berdasarkan kombinasi penanda aras yang baru dan lama di mana, bermula 1 Mei 2018, penanda aras Tabung ialah Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan, manakala bagi tempoh sebelum 1 Mei 2018, penanda aras ialah Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3- bulan.

*Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi Tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.*

## **2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG**

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

## **2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT**

ASNB dan ASB tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

## **2.8 DAGANGAN SILANG**

Sepanjang tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASB. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garis Panduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan kepada Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

## **2.9 KOMISEN RINGAN**

ASNB dan Pengurus Pelaburan Tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

### 3. LAPORAN PENGURUS

#### 3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

ASB telah berupaya mencapai objektif pelaburannya dalam menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif kepada pemegang-pemegang unit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

#### 3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASB adalah melabur di dalam portfolio yang dipelbagaikan, terutamanya sekuriti yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan di bursa asing, sekuriti yang tidak disenaraikan, sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang seperti yang dibenarkan dalam Surat Ikatan ASB. ASB boleh melabur sehingga 90% daripada Nilai Tabung (Value of Fund) dalam ekuiti dan selebihnya dalam sekuriti berpendapatan tetap dan instrumen pasaran wang termasuk aset mudah tunai. Walau bagaimanapun, ASB boleh mengambil strategi defensif mengikut kesesuaian pasaran. ASB juga dibenarkan untuk melabur dalam pelaburan asing. Namun begitu, pelaburan tersebut adalah bergantung kepada keadaan pasaran, pergerakan mata wang di samping perubahan asas ekonomi serta kestabilan sosial dan politik sesebuah negara.

#### 3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, ASB telah melaksanakan perumpukan aset antara ekuiti, sekuriti berpendapatan tetap dan tunai yang difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif dengan mengambil kira faktor-faktor ekonomi domestik dan global, kadar pulangan pasaran saham serta kadar pulangan bagi sekuriti berpendapatan tetap bagi memastikan objektif Tabung tercapai. Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding dengan aset sekuriti berpendapatan tetap dan tunai untuk menjana pulangan yang lebih tinggi dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil.

##### i. Ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, Tabung ASB telah menggunakan strategi gabungan antara nilai dan pertumbuhan bergantung pada situasi pasaran. Walaupun persekitaran saham adalah mencabar dan tidak menentu, akibat kadar inflasi yang tinggi di seluruh dunia serta peningkatan kadar faedah yang agresif di Amerika Syarikat, Tabung ASB mendapat manfaat daripada pembukaan semula sektor ekonomi dan sempadan antarabangsa serta kenaikan harga komoditi berikutan konflik geopolitik antara Rusia dan Ukraine. Antara sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor Kewangan yang disokong oleh kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak empat kali kepada 2.75% dan sektor Barangan Asasi Pengguna, terutamanya Perlindungan serta sektor Bahan Asas akibat kenaikan harga komoditi dunia seperti minyak sawit dan minyak mentah ekoran krisis geopolitik yang berpanjangan. Pelaburan ASB dalam ekuiti telah dilakukan secara selektif di dalam sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah. Di samping itu, Pengurus Pelaburan juga telah

mencari peluang untuk mengaut keuntungan melalui aktiviti jual beli saham secara aktif dalam keadaan pasaran saham yang turun naik.

#### **a. Domestik**

Pelaburan Tabung ASB dalam ekuiti domestik tertumpu kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah. Pada masa yang sama, penekanan diberikan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang tinggi bagi mengekalkan prestasi Tabung dalam keadaan ekonomi dan pasaran yang tidak menentu dan mencabar akibat kadar inflasi global yang tinggi, kenaikan kadar faedah di seluruh dunia serta krisis geopolitik yang berpanjangan. Antara sektor-sektor yang menjadi tumpuan adalah sektor Kewangan, Barangan Asasi Pengguna (seperti Perladangan), Bahan Asas, Utiliti dan Amanah Pelaburan Hartanah (Real Estate Investment Trust, REIT). Pelaburan di dalam sektor-sektor tersebut membolehkan ASB mencapai pulangan yang memuaskan terutamanya daripada pendapatan dividen. Di samping itu, Pengurus Pelaburan juga mencari peluang untuk menjual saham-saham yang diniagakan di paras harga wajar untuk menjana pulang modal untuk membantu meningkatkan prestasi and pulangan Tabung.

#### **b. Antarabangsa**

ASB telah membuat pelaburan dalam pasaran antarabangsa sehingga 7.2% daripada nilai asset bersih dalam usaha menjana pulangan yang lebih kompetitif dan mempelbagaikan risiko Tabung. Pelaburan antarabangsa tertumpu kepada sektor-sektor yang defensif seperti Penjagaan Kesihatan dan Barangan Asasi Pengguna untuk mengharungi pasaran modal yang mencabar dan tidak menentu. Selain itu, pelaburan di pasaran antarabangsa juga melibatkan beberapa pasaran utama antarabangsa seperti di pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan juga Asia bagi mempelbagaikan pelaburan antarabangsa.

### **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, ASB telah berusaha untuk mempelbagaikan pelaburan Tabung melalui pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan melakukan pelaburan berdasarkan pulangan yang bersesuaian dengan risiko kredit setiap terbitan.

Pelaburan di dalam sekuriti berpendapatan tetap telah tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan tambahan telah dilakukan dalam sektor Telekomunikasi dan Petrokimia yang mempunyai tempoh matang antara 3 sehingga 7 tahun. Sektor-sektor ini dilihat mempunyai prestasi kewangan yang kukuh selaras dengan risiko kredit yang diambil oleh pengurusan Tabung. Selain itu, pelaburan di dalam sekuriti pendapatan tetap turut dilakukan dalam sekuriti kerajaan iaitu Malaysian Government Securities (MGS) dan Government Investment Issues (GI). Strategi pelaburan di dalam MGS dan GI ini adalah lebih kepada penjanaan keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia dijangka akan mendapat manfaat kenaikan harga, ekoran risiko kemelesetan ekonomi domestik dan antarabangsa.

Di samping itu, kadar hasil MGS turut telah meningkat seiring dengan kenaikan kadar semalaman.

Purata kadar hasil bagi pegangan portfolio sekuriti-sekuriti berpendapatan tetap adalah 4.25% dengan purata tempoh matang portfolio selama 7 tahun, manakala purata penarafan kredit adalah "AA1".

Selain sekuriti berpendapatan tetap kerajaan Malaysia, Tabung ASB turut melabur di dalam pasaran sekuriti berpendapatan tetap antarabangsa dalam usaha menjana pulangan yang kompetitif kepada Tabung. Pelaburan ini adalah lebih bersifat taktikal, bagi menjana pulangan tambahan ke atas tunai antarabangsa melalui hasil jual beli. Antara pelaburan bon antarabangsa yang menjadi keutamaan adalah di dalam pasaran negara maju terutamanya sekuriti Kerajaan Amerika Syarikat yang mempunyai tahap kecairan dan kedalaman pasaran yang tinggi.

Pelaburan ASB juga dibuat dalam pasaran wang bagi membolehkan Tabung memiliki kecairan yang mencukupi bagi memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian, seiring dengan perumpukan aset aktif.

### **3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, pasaran saham antarabangsa mempamerkan prestasi yang lemah disebabkan oleh kadar inflasi global yang tinggi akibat peningkatan harga minyak dan gas serta komoditi-komoditi di seluruh dunia ekoran konflik geopolitik antara Rusia dan Ukraine. Selain itu, rantaian bekalan dunia yang terganggu ekoran dasar sifar COVID di China turut meningkatkan kadar inflasi dunia. Ekoran lebihan simpanan kewangan masyarakat dunia, kadar permintaan tidak menurun walaupun harga barang semakin meningkat. Oleh itu, bank-bank pusat antarabangsa mula mengetatkan dasar monetari secara agresif untuk mengawal inflasi. Ini telah mengakibatkan anggaran kadar pertumbuhan ekonomi dunia berkurang. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menjangkakan pertumbuhan ekonomi dunia berkembang lebih perlahan kepada 3.2% pada 2022 berbanding 6.0% pada 2021.

Sejajar dengan itu, indeks komposit utama antarabangsa seperti MSCI ACWI telah mencatatkan penurunan sebanyak -19.8%. Penurunan ketara dalam tempoh tinjauan turut dicatatkan oleh pasaran saham yang mempunyai komponen indeks yang tinggi dalam sektor berkaitan teknologi, dengan prestasi terendah telah dicatat oleh Amerika Syarikat (Nasdaq) sebanyak -33.1%, diikuti oleh Korea Selatan (KOSPI, -24.9%), China (CSI 300, -21.3%) dan Hong Kong (Hang Seng, -14.4%).

Sementara itu, indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN yang sedikit sebanyak terlindung daripada kesan perang di Eropah disamping mendapat manfaat daripada pembukaan semula sempadan dan kenaikan harga komoditi, telah mencatatkan prestasi lebih baik berbanding pasaran utama antarabangsa. Prestasi tertinggi dicatat oleh Indonesia (JCI, +4.1%), diikuti oleh Singapura (STI, +4.1%), dan Thailand (SET, +0.7%).

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, FBMKLCI telah mencatatkan penurunan sebanyak -4.6% pada 1,495.49 mata berbanding 1,567.53 mata pada 31 Disember 2021 didorong oleh ketidakpastian ekonomi global serta kerisauan pelabur terhadap perkembangan politik tempatan akibat Pilihan Raya Umum ke-15. Sepanjang tahun

keuangan berakhir 31 Disember 2022, FBM KLCI mencatatkan paras tertinggi pada 3 Mac 2022 dengan 1,618.54 mata dan paras terendah pada 13 Oktober 2022 dengan 1,373.36 mata.

Sektor-sektor yang terjejas teruk adalah sektor Teknologi (-34.3%), sektor Kesihatan (-25.5%) dan sektor Perindustrian (-10.3%). Manakala sektor-sektor yang mencatatkan peningkatan adalah sektor Tenaga (+10.3%), sektor Pertadangan (+8.1%) dan sektor Kewangan (+6.0%). Antara saham-saham FBMKLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara dalam tempoh tinjauan adalah Inari Amertron Berhad (-34.7%), Axiata Group Berhad (-25.7%) dan Maxis Berhad (-20.8%). Manakala, saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan positif adalah AMMB Holdings Bhd (+30.6%), Sime Darby Plantation Berhad (+23.7%) dan QL Resources Berhad (+20.6%).

Nilai mata wang Ringgit Malaysia telah menurun sebanyak -5.4% untuk ditutup pada paras RM4.4040/USD pada 31 Disember 2022 berbanding RM4.1660/USD pada 31 Disember 2021. Dalam tempoh tinjauan, Ringgit telah didagangkan pada paras terendah RM4.7480/USD pada 4 November 2022, manakala paras tertinggi adalah RM4.1660/USD pada 31 Disember 2021. Prestasi mata wang Ringgit Malaysia telah dipengaruhi oleh peningkatan agresif kadar polisi utama Amerika Syarikat bagi membendung kenaikan kadar inflasi yang menyebabkan peningkatan nilai mata wang USD.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia pada suku ketiga 2022 telah meningkat sebanyak +14.2% berbanding peningkatan sebanyak +8.9% pada suku kedua 2022 dan suku pertama 5.0% hasil daripada kesan positif pakej bantuan dan rangsangan ekonomi yang mendorong perbelanjaan rakyat. Pertumbuhan suku ketiga 2022 ini turut disokong oleh pelaksanaan langkah Bajet 2022 serta kesan peralihan kepada fasa endemik yang mendorong aktiviti ekonomi dan sosial yang lebih rancak yang mendorong pertumbuhan sektor Perkhidmatan sebanyak 16.7% berbanding 9.3% pada suku kedua 2022. Secara keseluruhan, KDNK meningkat sebanyak 9.3% pada sembilan bulan pertama 2022, berbanding 3.0% pada sembilan bulan pertama 2021.

### **3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, Kadar OPR telah dinaikkan empat kali oleh Bank Negara Malaysia (BNM), (sebanyak 25 mata asas pada bulan Mei, Julai, September dan November 2022) daripada 1.75% kepada 2.75%, selari dengan bank-bank pusat dunia terutamanya Amerika Syarikat. Walau bagaimana pun, dasar monetari masih kekal akomodatif terhadap pertumbuhan ekonomi. Kegiatan ekonomi yang meningkat dengan pembukaan semula ekonomi domestik dan global serta keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik terus menyokong momentum pertumbuhan ekonomi yang positif. Kadar simpanan tetap Maybank 12 bulan turut naik 100 mata asas dari kadar 1.85% ke 2.85%.

Lembaga Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Federal Reserve Board) telah menjangkakan kadar inflasi akan meningkat susulan pembukaan sektor Ekonomi selepas pandemik COVID-19 di samping isu rantaian bekalan dunia yang berpanjangan. Seiring dengan kenaikan kadar inflasi yang ketara dan diluar jangkaan, Federal Reserve Board telah menaikkan kadar faedah sebanyak 7 kali pada tahun 2022 daripada 0-0.25% kepada 4.25-4.50% (425 mata asas secara kumulatif) dalam usaha membendung tekanan kenaikan

harga yang mendadak didorong oleh kenaikan ketara harga komoditi akibat konflik di antara Rusia dan Ukraine yang berlarutan serta gangguan rantaian bekalan yang berlarutan.

Kenaikan kadar faedah oleh bank-bank pusat dunia termasuk BNM untuk mengawal kadar inflasi daripada terus meningkat telah mendorong kepada kenaikan kadar hasil MGS. Di samping itu, Kerajaan Malaysia juga telah mengekalkan terbitan MGS yang tinggi untuk membiayai perbelanjaan fiskal kerajaan yang turut mendorong kepada kenaikan kadar hasil MGS. Secara keseluruhannya, kadar hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih tinggi pada 3.73%, 3.87% dan 4.07%, masing-masing naik sebanyak 76, 69 dan 44 mata asas bagi tempoh 12 bulan.

Kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan kenaikan kadar hasil antara 70 hingga 102 mata asas, sejajar dengan kenaikan kadar hasil sekuriti kerajaan. Sepanjang tahun 2022, jumlah terbitan bon korporat telah mencatat peningkatan sebanyak 14% berbanding tahun lepas, bersamaan RM130 bilion. Secara keseluruhannya, 60% penerbitan bon korporat adalah bertaraf AAA, 32% bertaraf AA dan 8% bertaraf A. Sektor Utiliti telah menerbitkan jumlah bon korporat terbesar (RM40bil), diikuti oleh sektor Kewangan (24%) dan sektor Hartanah (11%).

### **3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN**

Dalam laporan IMF pada bulan Oktober 2022, IMF telah menurunkan jangkaan kadar pertumbuhan global bagi tahun 2023, daripada 3.6% (pada April 2022) kepada 3.2% (pada Julai 2022) dan yang terbaru kepada 2.7% (pada Oktober 2022). Untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, keadaan pasaran modal antarabangsa dijangkakan akan terus mencabar disebabkan oleh risiko kemelesatan ekonomi sekiranya bank-bank pusat dunia terus meningkatkan kadar faedah untuk mengawal kadar inflasi yang tinggi. Kenaikan kadar pembiayaan bakal menyebabkan penurunan aktiviti ekonomi dunia akibat daripada peningkatan kos membayar semula hutang oleh isi rumah serta sektor Korporat, dan secara langsung mengurangkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja.

Oleh itu, Pengurus Pelaburan akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala mengikut keperluan ekonomi semasa serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah. Pengurus Pelaburan juga mungkin mengambil posisi bertahan dengan meningkatkan pelaburan di dalam aset berisiko rendah seperti pelaburan dalam wang tunai jika berlaku perubahan negatif yang ketara kepada ekonomi dan juga pasaran modal.

#### **i. Ekuiti**

##### **a. Domestik**

Bagi 12 bulan seterusnya, strategi pelaburan ekuiti domestik akan terus tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh disamping memberikan pulangan dividen yang stabil. Namun, pelaburan ekuiti akan dilakukan secara selektif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif di dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu dan mencabar. Antara sektor yang diberi tumpuan adalah sektor Kewangan berikutan jangkaan kenaikan kadar faedah serta sektor Barangan Bukan Asasi Penggunaan dan

Pengangkutan yang mendapat manfaat daripada pembukaan semula sektor ekonomi dan pembukaan semula sempadan antarabangsa negara China. Tabung juga akan memberi tumpuan kepada sektor Barangan Asasi Pengguna yang bercirikan defensif serta konsisten dalam pembayaran dividen dan sektor Tenaga berikutan harga komoditi yang dijangkakan kekal stabil pada paras yang tinggi. Pengurus Pelaburan juga akan mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang mengalami kemerupaan untuk menjana keuntungan daripada penjualan saham.

#### **b. Antarabangsa**

Bagi 12 bulan seterusnya, strategi pelaburan ekuiti akan lebih bersifat defensif secara am. Pelaburan ekuiti ini akan dilakukan secara selektif dalam usaha memastikan pulangan Tabung kekal kompetitif di dalam persekitaran pelaburan yang tidak menentu.

Perumpukan pelaburan dari sudut sektor akan tertumpu pada sektor-sektor yang bersifat defensif dan mempunyai daya tahan yang baik, tatkala ekonomi utama dunia seperti Amerika Syarikat dan negara Kesatuan Eropah, dijangka akan mengalami kemelesetan ekonomi. Sektor yang akan diberi tumpuan adalah sektor Kesihatan, terutamanya Farmaseutikal yang dijangka akan terus berdaya tahan, ekoran permintaan bekalan ubatan yang akan terus kekal tanpa mengira keadaan ekonomi semasa. Selain itu, Tabung akan turut menumpukan pelaburan dalam sektor Barangan Asasi Pengguna, terutama dalam syarikat-syarikat yang diyakini mempunyai kekuatan untuk memindahkan kenaikan harga kos input produk mereka kepada para pengguna. Tabung akan turut menumpukan pelaburan yang memberikan impak besar bagi tahun kewangan 2023, seperti syarikat utiliti yang akan terus mendapat manfaat dari aliran pengembangan jana kuasa dari sumber tenaga hijau.

Pengurus Pelaburan juga akan memberikan perhatian kepada negara-negara membangun di Asia, berbanding negara maju. Ini berikutan pembukaan semula ekonomi China dan kemasukan semula pelancong China keseluruh dunia yang akan memberi manfaat lansung kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti Thailand, Jepun, Korea Selatan dan juga Australia.

Pengurus Pelaburan akan terus aktif dalam pasaran ekuiti antarabangsa serta bersifat taktikal, setelah membuat pertimbangan mengenai perkembangan makro dan mikro ekonomi dunia, risiko geopolitik dan aliran dagangan kewangan sedunia.

#### **ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai**

Mengambil kira kebarangkalian kenaikan kadar dasar semalaman oleh BNM bagi membendung inflasi, Pengurus Pelaburan telah menyusun strategi yang bersifat lebih defensif. Ini kerana kenaikan kadar hasil bon adalah berjajaran songsang dengan nilai pasaran bon.

Pengurus Pelaburan akan memberi tumpuan kepada pelaburan sekuriti pendapatan tetap ekoran kenaikan kadar hasil yang ketara yang menjadikannya instrumen pelaburan yang lebih menarik berbanding pasaran tunai. Pelaburan akan tertumpu kepada bon korporat yang menjana kupon yang lebih tinggi, dengan menasarkan

syarikat-syarikat yang mempunyai asas kewangan yang kukuh dan stabil dalam usaha memberikan pendapatan yang kompetitif kepada Tabung. Strategi pelaburan di dalam sekuriti kerajaan, MGS dan GII lebih tertumpu kepada penjanaan keuntungan modal kerana bon terbitan kerajaan Malaysia mempunyai ciri kecairan lebih tinggi berbanding bon korporat. Di samping itu, kadar hasil MGS turut meningkat seiring dengan kenaikan kadar dasar semalaman. Bagi pasaran sekuriti pendapatan tetap antarabangsa, Pengurus Pelaburan akan melakukan pelaburan taktikal untuk menghasilkan keuntungan modal bagi menambahkan lagi pulangan kepada pelabur. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk memasuki pasaran saham tempatan dan antarabangsa pada masa yang bersesuaian.

#### 4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-pemegang Unit

##### **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA**

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, berserta dengan nota-nota yang dikeipikan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada nota 2 laporan penyata kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambilkira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 31 Disember 2022, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 10 Februari 2023.

**TUN ARIFIN BIN ZAKARIA**  
Pengerusi

**AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON**  
Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia  
10 Februari 2023

## 5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada para pemegang unit **AMANAH SAHAM BUMIPUTERA** ("Tabung")

Kami telah bertindak selaku Pemegang Amanah Tabung bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, dan kami dengan ini mengesahkan bahawa pada pengetahuan kami, setelah melakukan segala pernyataan yang munasabah, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD telah melaksana dan mengurus Tabung dalam tahun penyata kewangan selaras dengan perkara berikut:

1. Had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada syarikat pengurusan mengikut Surat Iktatan, undang-undang sekuriti dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah;
2. Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Iktatan; dan
3. Sebarang penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Iktatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan.

Kami juga berpendapat bahawa pengagihan pendapatan Tabung adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan Tabung.

Untuk **AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**

**ZAINUDIN BIN SUHAIMI**

Ketua Pegawai Eksekutif

10 Februari 2023

## 6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASB

### **Pendapat**

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM BUMIPUTERA untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

### **Ringkasan penyata kewangan**

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

### **Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya**

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 10 Februari 2023.

### **Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan**

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

### **Tanggungjawab Juruaudit**

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

## **Sekatan penggunaan**

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan AMANAH SAHAM BUMIPUTERA untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2022 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

### **Ernst & Young PLT**

202006000003 (LLP0022760-LCA) &  
AF 0039

Akauntan Bertauliah

### **Dato' Megat Iskandar Shah Bin Mohamad Nor**

No. 03083/07/2023 J

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia  
10 Februari 2023

## 7. PENYATA KEWANGAN

### 7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

	Nota	2022 RM	2021 RM
<b>PENDAPATAN</b>			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		1,054,933,711	847,845,726
Pendapatan daripada PNB		-	500,000,000
Pendapatan dividen		5,943,409,914	5,984,838,409
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		978,489,056	3,023,011,070
Kerugian ternyata daripada kontrak hadapan tukaran asing		(651)	-
Keuntungan bersih tukaran asing		24,395,727	38,894,972
		<u>8,001,227,757</u>	<u>10,394,590,177</u>
<b>PERBELANJAAN</b>			
Yuran pengurus	5	335,259,991	644,760,063
Yuran pemegang amanah	6	1,000,000	1,000,000
Ganjaran juruaudit		47,300	40,000
Yuran ejen cukai		5,400	5,500
Perbelanjaan pentadbiran		74,508,369	137,222,903
Rosot nilai pelaburan		1,397,279,477	2,675,475,707
		<u>1,808,100,537</u>	<u>3,458,504,173</u>
<b>PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI CUKAI</b>	7	6,193,127,220	6,936,086,004
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>		<u>6,193,127,220</u>	<u>6,936,086,004</u>
<b>Pengagihan pelaburan</b>	8	<u>6,179,030,779</u>	<u>7,510,236,260</u>
<b>Pengagihan kasar dan bersih seunit</b>		<u>3.35 sen</u>	<u>4.25 sen</u>
<b>Tarikh pengagihan</b>		<u>1 Januari 2023</u>	<u>1 Januari 2022</u>
Pendapatan bersih selepas cukai			
Ternyata		6,219,397,475	6,916,841,518
Tidak Ternyata		(26,270,255)	19,244,486
		<u>6,193,127,220</u>	<u>6,936,086,004</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	Nota	2022 RM	2021 RM
<b>PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI</b>		6,193,127,220	6,936,086,004
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
<b>JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN</b>		<u>6,193,127,220</u>	<u>6,936,086,004</u>
<b>Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:</b>			
Ternyata		6,219,397,475	6,916,841,518
Tidak ternyata		<u>(26,270,255)</u>	<u>19,244,486</u>
		<u>6,193,127,220</u>	<u>6,936,086,004</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022**

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN</b>		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	20,415,247,250	40,208,681,134
Pembelian pelaburan	(24,560,121,813)	(43,812,215,890)
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(15,817,314,702)	(16,652,625,020)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	16,652,625,020	5,139,612,638
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,040,303,552	1,349,243,281
Pendapatan dividen diterima	5,840,426,261	4,359,949,802
Pembayaran yuran pengurus	(363,429,247)	(641,096,896)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(1,000,000)	(1,000,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(74,593,369)	(136,990,905)
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi dan pelaburan	<u>3,132,142,952</u>	<u>(10,186,441,856)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Tunai diterima daripada penjadian unit	13,947,500,000	12,730,000,000
Pengagihan dibayar	(7,510,236,260)	(5,902,807,053)
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(9,491,100,000)	(4,650,000,000)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>(3,053,836,260)</u>	<u>2,177,192,947</u>
<b>PENINGKATAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>		
<b>PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG</b>	78,306,692	(8,009,248,909)
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	27,709,856	37,342,325
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<u>7,535,131,784</u>	<u>15,507,038,368</u>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Tunai di bank	512,069,793	407,255,649
Deposit dengan institusi kewangan	<u>22,946,393,241</u>	<u>23,780,501,155</u>
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	23,458,463,034	24,187,756,804
	<u>(15,817,314,702)</u>	<u>(16,652,625,020)</u>
	<u>7,641,148,332</u>	<u>7,535,131,784</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

## 7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2022

### 1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (berikutnya dirujuk sebagai "Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 21 Oktober 1989, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad dan Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Klausula 7.1 Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 21 Oktober 1989, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amanah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 14 Mei 2001.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 10 Februari 2023.

### 2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan Garis Panduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana Permodalan Nasional Berhad ("PNB") dan unit amanah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

#### (a) Perubahan dalam polisi perakaunan

MFRS yang baru dan disemak semula yang tertakluk kepada syarikat dengan tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022 tidak memberi kesan signifikan kepada penyata kewangan Unit Amanah.

### **(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa**

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

## **3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

### **(a) Instrumen kewangan**

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, sekuriti modal bercantum, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

### **(b) Pelaburan**

#### **(i) Sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga**

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktiraf di dalam Penyata Untung atau Rugi.

#### **(ii) Saham disebut harga, saham tidak disebut harga, saham pinjaman/waran, pelaburan amanah hartanah ("REITs") dan skim pelaburan kolektif tidak disebut harga**

Pelaburan dalam saham disebut harga, pelaburan tidak disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Sebarang peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah tidak (i) mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan (ii) mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

### **(iii) Deposit dengan institusi kewangan**

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

### **(c) Jumlah terutang daripada/(kepada) broker saham**

Jumlah terutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

### **(d) Pendapatan belum terima**

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

### **(e) Pelbagai pemiutang**

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

### **(f) Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekim pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akruan menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan daripada penjualan pelaburan ialah perbezaan di antara nilai bersih dan nilai bawaan pelaburan.

Pendapatan daripada PNB diiktiraf dalam untung atau rugi pada tarikh urus niaga.

### **(g) Mata wang asing**

#### Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM

Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

### Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

#### **(h) Tunai dan persamaan tunai**

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana perubahan dalam nilai mempunyai risiko yang tidak ketara.

## **4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING**

### **(a) Penilaian kritikal dibuat dalam mengaplikasi polisi perakaunan**

Penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan Unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus Pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya perlu dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan yang merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

### **(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran**

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi mengangkar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya. Bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain,

andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

#### **Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian**

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

#### **(c) Penilaian rosot nilai**

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, pengiktirafan rosot nilai pelaburan sebanyak RM1,397,279,477 (2021: RM2,675,475,707).

COVID-19 telah diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020. Wabak ini dan tindakan kerajaan Malaysia serta kerajaan-kerajaan di dunia bagi menangani wabak ini telah memberi kesan negatif kepada aktiviti-aktiviti komuniti, ekonomi dan operasi perniagaan. Oleh kerana wabak ini masih berkembang, adalah sangat sukar bagi meramalkan sejauh mana jangka masa dan kesannya terhadap perniagaan dan ekonomi, tempatan mahupun global. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan terus menyaksikan peningkatan gelombang turun naik.

Pengurus telah memastikan bahawa tinjauan penurunan nilai pelaburan Amanah adalah berdasarkan maklumat yang munasabah dan boleh disokong. Ini termasuk mencerminkan bahawa kesan kejutan wabak ini adalah bersifat sementara dan juga mengambilkira langkah-langkah sokongan ekonomi dan kewangan yang telah diumumkan oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan lain di seluruh dunia untuk mengurangkan kesan COVID-19 kepada perniagaan dan ekonomi.

Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

## **5. YURAN PENGURUS**

Klausa 13.1, Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.0% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran pengurus yang dikenakan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 sebanyak 0.175% (2021 0.35%) daripada NAB Unit Amanah.

## 6. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausa 13.2 dan Jadual ke Sembilan Suratikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran pada kadar yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dari masa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 ditetapkan pada RM1,000,000 (2021: RM1,000,000).

## 7. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidangkuasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967, dari tahun taksiran 1991 hingga tahun berikutnya.

Disebabkan oleh pengecualian cukai, pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

## 8. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	<b>2022</b>	<b>2021</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Peruntukan pengagihan	<u>6,179,030,779</u>	<u>7,510,236,260</u>

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 31 Disember 2022 sebanyak 3.35 sen (2021: 4.25 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

## Sumber pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2022 RM	2021 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	1,054,933,711	847,845,726
Pendapatan daripada PNB	-	500,000,000
Pendapatan dividen	5,943,409,914	5,984,838,409
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	431,851,301	3,023,011,070
Keuntungan bersih ternyata kadar tukaran asing	50,665,982	19,650,486
Keuntungan ternyata tahun sebelumnya	<u>506,270,408</u>	<u>593,394,742</u>
	7,987,131,316	10,968,740,433
Tolak: Perbelanjaan	<u>(1,808,100,537)</u>	<u>(3,458,504,173)</u>
Jumlah pengagihan	<u>6,179,030,779</u>	<u>7,510,236,260</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	<u>3.35 sen</u>	<u>4.25 sen</u>

## 9. MODAL PEMEGANG UNIT

	2022 Unit	RM	2021 Unit	RM
<b>Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:</b>				
Pada awal tahun	181,908,700,000	181,908,700,000	173,828,700,000	173,828,700,000
Penjadian unit untuk:				
Jualan	5,257,500,000	5,257,500,000	5,150,000,000	5,150,000,000
Pelaburan semula pengagihan	7,510,236,260	7,510,236,260	5,902,807,053	5,902,807,053
Pelaburan semula bonus	<u>1,179,763,740</u>	<u>1,179,763,740</u>	<u>1,677,192,947</u>	<u>1,677,192,947</u>
	<u>13,947,500,000</u>	<u>13,947,500,000</u>	<u>12,730,000,000</u>	<u>12,730,000,000</u>
Pembatalan unit	(9,491,100,000)	(9,491,100,000)	(4,650,000,000)	(4,650,000,000)
Pada akhir tahun	<u>186,365,100,000</u>	<u>186,365,100,000</u>	<u>181,908,700,000</u>	<u>181,908,700,000</u>

## 10. UNIT DIPEGANG OLEH PENGURUS DAN PNB

Sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2022, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 31 Disember 2022, PNB secara sah memegang 119,737,064 (2021:143,798,537) unit, merangkumi 0.06% (2021: 0.08%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

## 11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM/BROKER/DEALER/INSTITUSI KEWANGAN

Syarikat	Nilai Urus Niaga RM'000	%	Yuran Broker RM'000	%
Citigroup Global Markets Malaysia Sdn. Bhd.	1,642,271	9.32	1,967	12.14
Maybank Investment Bank Berhad **	1,495,168	8.49	2,202	13.59
UBS Securities Malaysia Sdn. Bhd.	1,279,308	7.26	1,689	10.42
Credit Suisse Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	1,220,872	6.93	1,466	9.05
CGS-CIMB Securities Sdn. Bhd.**	1,160,297	6.59	996.00	6.15
Macquarie Capital Securities (Malaysia) Sdn. Bhd.	1,140,973	6.48	1,540	9.50
JPMorgan Securities Malaysia Sdn. Bhd.	1,132,663	6.43	1,171	7.23
Nomura Securities Malaysia Sdn. Bhd.	1,058,105	6.01	1,060	6.54
Malayan Banking Berhad*	1,052,657	5.97	-	-
MIDF Amanah Investment Bank Berhad**	1,006,965	5.72	238	1.47
Lain-lain	5,429,097	30.80	3,875	23.91
	<u>17,618,376</u>	<u>100.00</u>	<u>16,204</u>	<u>100.00</u>

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

\* PNB dan/atau Tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat berkenaan.

\*\* PNB dan/atau Tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri.

## 12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2022	2021
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.12 kali	0.24 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

## 13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2022	2021
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	0.22%	0.43%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

## 14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar faedah dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

### Risiko ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

### **Risiko pasaran**

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagai. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

### **Risiko mata wang**

Risiko mata wang ialah risiko penurunan dan peningkatan nilai instrumen kewangan disebabkan oleh perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Unit Amanah melabur dalam sekuriti patuh syariah dan pelaburan lain yang didominasi oleh mata wang selain mata wang fungsian. Justeru, nilai aset-aset Unit Amanah mungkin akan memihak menguntungkan atau sebaliknya disebabkan oleh risiko peningkatan atau penurunan kadar mata wang asing.

### **Risiko kecairan/Pembiayaan dana**

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya. Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

### **Risiko kadar faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkauan pasaran.

### **Risiko kredit**

Risiko kredit ialah risiko di mana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

## **15. LAPORAN BERSEGMENT**

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

## **16. MATA WANG**

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

## 8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

WILAYAH PERSEKUTUAN	
Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 <b>Kuala Lumpur</b> , Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, Persiaran Perdana, 62675 <b>Putrajaya</b> , Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Lot 18-1 & 18-2, Pusat Dagangan UMNO Shah Alam, Persiaran Damai Seksyen 11, 40000 <b>Shah Alam</b> , Selangor	No.7 Jalan Medan Niaga 2, Medan Niaga Kuala Selangor , 45000 <b>Kuala Selangor</b> , Selangor
MELAKA	NEGERI SEMBILAN
No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim, Jalan KPAA 1, <b>Bukit Baru</b> , 75150 Melaka	No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 <b>Seremban</b> , Negeri Sembilan
PERAK	
No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 <b>Ipoh</b> , Perak	No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 <b>Teluk Intan</b> , Perak
PAHANG	
No. 71 & 73, Tingkat Bawah , Jalan Tun Ismail, 25000 <b>Kuantan</b> , Pahang	No.8, Jalan Ahmad Shah, Bandar Seri Semantan, 28000 <b>Temerloh</b> , Pahang
PULAU PINANG	
A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue, 11900 <b>Bayan Lepas</b> , Pulau Pinang	No. 12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 <b>Seberang Jaya</b> , Pulau Pinang
PERLIS	TERENGGANU
Lot 7, Jalan Indera Kayangan, 01000 <b>Kangar</b> , Perlis	No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 <b>Kuala Terengganu</b> , Terengganu  <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KELANTAN	
Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 <b>Kota Bharu</b> , Kelantan  <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 <b>Pasir Puteh</b> , Kelantan  <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
27, Kompleks Shahab Perdana, Jalan Sultanah Sambungan, 05250 <b>Alor Setar</b> , Kedah	No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 <b>Sungai Petani</b> , Kedah

JOHOR	
No. 9 & 9A dan No. 10 & 10A, Jalan Abdul Rahman, Badar Penggaram 83000 <b>Batu Pahat</b> Johor	Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2, Uda Business Centre 81200 <b>Johor Bahru</b> Johor
No.6 dan 7, Jalan Muhibbah, Taman Muhibbah, 85000 <b>Segamat</b> , Johor	
SABAH	
Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 <b>Kota Kinabalu</b> , Sabah	TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 <b>Tawau</b> , Sabah
Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 <b>Lahad Datu</b> , Sabah	Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 <b>Keningau</b> , Sabah
Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 <b>Sandakan</b> , Sabah	
SARAWAK	
Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Hdus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 <b>Kuching</b> , Sarawak	Lot 1959, Tingkat Bawah Lot 1960 & 1961, Marina Square Phase 2, Marina Park City, 98000 <b>Miri</b> , Sarawak
Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 <b>Bintulu</b> , Sarawak	Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 <b>Limbang</b> , Sarawak
4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 <b>Sri Aman</b> , Sarawak	Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 <b>Sibu</b> , Sarawak



**PENGURUS**

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD 197801001190 (38218-X)

**PEJABAT BERDAFTAR**

Tingkat 4, Balai PNB  
201-A, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

**PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB**

03-7730 8899

**EMEL**

asnbcare@pnb.com.my

**LAMAN WEB**

[www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

**PORTAL**

[www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my)

MyASNB App

**PEMEGANG AMANAH**

AmanahRaya Trustees Berhad  
200701008892 (766894-T)

**PEJABAT BERDAFTAR**

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya  
No. 2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2036 5129/5003

Faks: 03-2072 0320

Emel: [art@arb.com.my](mailto:art@arb.com.my)

**LAMAN WEB**

[www.artrustees.my](http://www.artrustees.my)